

**TEKS UCAPAN YBHG. DATO' LONG SEE WOOL  
KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
SEMPENA PERASMIAN SAMBUTAN HARI INOVASI  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DI DEWAN AUDITORIUM  
D8, KOMPLEKS D, PUTRAJAYA.  
PADA 25 JULAI 2011 (SELASA)**

Terima kasih saudara pengacara majlis;

YBhg. DatoqYap Kin Sian

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi);

YBrs. Puan Ruhaizah binti Mohammed Rashid

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan);

Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian;

Ketua-Ketua Unit, Kementerian Pengangkutan Malaysia;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Selamat Pagi dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Pengelola kerana menjemput saya untuk berucap dan merasmikan Sambutan Hari Inovasi

Kementerian Pengangkutan Tahun 2011. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang hadir di atas komitmen tuan-tuan dan puan-puan untuk menghadiri majlis sambutan ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sambutan Hari Inovasi pada tahun ini yang bertemakan **“1MOT: Inovasi Tercipta, Impian Terkota”** memberikan pengertian yang sangat signifikan untuk dihayati dan direalisasikan bersama. Tema ini telah dicipta oleh Encik Zamley bin Mohd. Nayan dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang menjuarai pertandingan mencipta tema sempena sambutan Hari Inovasi pada tahun lepas. Penciptaan tema ini membawa makna bahawa seluruh warga MOT perlu bergerak seiring dalam merencana dan mencipta inovasi melalui aktiviti dan program kementerian demi merealisasikan visi dan misi yang digagaskan bersama.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Berbalik kepada tema %dMOT: Inovasi Tercipta, Impian Terkota+, Bahagian Perancangan & Penyelidikan telah menganjurkan dua (2) buah pertandingan iaitu Pertandingan Div-Inno dan Pencarian Top 3 Creannovators yang telah berlangsung dari 18 Ogos sehingga 14 Oktober 2011. Melalui pertandingan, saya percaya daya kreativiti dan inovasi warga kementerian dapat diserlahkan serta diiktiraf dalam majlis sebegini bagi mendorong mereka untuk terus menyumbang ke arah penambahbaikan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan. Tokoh inovasi iaitu Edward de Bono pernah menyatakan bahawa ***“Creativity is a great motivator because it makes people interested in what they are doing. Creativity gives hope that there can be a worthwhile idea. Creativity gives the possibility of some sort of achievement to everyone. Creativity makes life more fun and more interesting”.***

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Pada 5 Oktober 2011, dunia siber (cyber) telah kehilangan satu nama besar dalam bidang inovasi khususnya dalam teknologi komunikasi iaitu Steve Jobs, pengasas syarikat terkemuka Apple. Beliau berjaya mengharumkan nama Apple ke persada dunia dengan menghasilkan produk-produk seperti Macbook, iPhone dan iPad. Saya percaya bahawa ramai di antara tuan-tuan dan puan-puan yang berada di dalam dewan ini mahupun di luar sana memiliki gajet-gajet canggih ciptaan Steve Jobs tersebut. Kita boleh melihat di mana-mana sahaja orang begitu teruja untuk memiliki gajet-gajet tersebut disebabkan keupayaannya untuk mengubah cara kita melihat dunia dengan berbeza. Marilah kita bersama-sama mencontohi semangat dan daya inovatif yang telah diinspirasikan oleh beliau untuk menjadikan dunia ini lebih baik pada masa sekarang dan hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara semasa ucapan perasmian Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam tahun 2010 yang lalu telah menyatakan bahawa **“kita mesti keluar**

daripada cara kerja yang rutin. Gaya serta kaedah penyampaian perkhidmatan perlu dilaksanakan di luar kelaziman iaitu **beyond ordinary; making the extraordinary looks so ordinary**”. Ini adalah disebabkan rentak kehidupan dan kerja sehari-hari menuntut perubahan yang merentasi peringkat global dan menyeluruh dengan menerapkan budaya berinovasi secara konsisten dan lebih proaktif. Saranan ini perlu dihayati dan diterapkan dalam jiwa kita selaku penjawat awam.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Tahniah diucapkan kepada salah seorang pegawai kementerian yang telah memenangi Cabaran PEMUDAH Musim Kedua iaitu Encik Mohd. Faizal bin Katimon dari Unit Parlimen dan Antarabangsa. Idea beliau ialah **menghantar ‘Mat Rempit’ menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) atau satu program latihan ketenteraan** di kem-kem latihan rekrut tentera sekurang-kurangnya selama 6 bulan serta diserap dalam perkhidmatan tentera sebagai anggota tetap. Bersandarkan kepada idea tersebut, beliau dan 48 orang lagi termasuk orang awam telah berjaya memenangi hadiah wang yang ditawarkan iaitu sebanyak RM1,000. Saya berharap pertandingan sebegini akan diadakan lagi pada masa akan

datang bagi menyerlahkan lebih ramai penjawat awam yang berpotensi dalam menghasilkan idea inovatif sebegini.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pemenang Pertandingan Div-Inno dan Pencarian Top 3 Creannovators yang bakal diumumkan pada penghujung majlis ini nanti. Tahniah kerana anda telah mula mengorak langkah sebagai ejen pemangkin ke arah merealisasikan agenda transformasi dan inovasi di peringkat kementerian ini. Saya juga harapkan semoga program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi menyemarakkan program inovasi di kementerian ini.

Dengan ini, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pengangkutan Tahun 2011.

Sekian, terima kasih.